

06/10/2003

Kegigihan, semangat Dattaya perlu dicontohi

Raja Ahmad Zainuddin

HANYA bermotorkan sebuah motosikal berkuasa kecil jenis lama, saya tidak sangka bekas atlit negara, M Dattaya sanggup meredah jalan yang di sepanjang kiri kanannya hutan tebal untuk membuat liputan satu majlis yang saya hadiri di kawasan parlimen saya minggu lalu.

Pada mulanya saya tidak menyangka orang yang sedang saya ekori, berbadan besar yang tidak padan menunggang motosikal kecil itu adalah Dattaya, yang pernah memenangi empat pingat emas Sukan Sea.

Tetapi, itulah Dattaya yang sanggup melalui jalan raya dari Taiping untuk ke Kampung Batu Tiga, Selama, hanya bermotorkan motosikal separuh uzur berseorangan diri. Bukan saja jaraknya begitu jauh, tetapi jalan itu juga sunyi sepi dan terkenal sebagai tempat monyet, kera dan beruk membuang najis.

Jalan Taiping-Selama juga berbengkok-bengkok. Pada zaman komunis, tiada siapa berani berseorangan di situ. Jika ada bas atau kereta mengalami kerosakan, maka kenderaan itu ditinggalkan begitu saja.

Anehnya, Dattaya yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan masih meredah jalan kampung semata-mata kerana semangat tinggi untuk membuat liputan majlis penyerahan 20 buah basikal untuk pelajar miskin sumbangan Kelab Bakti Gunung Keledang yang disampaikan oleh presidennya Zulkifly Hussein.

Tidak seorang pun yang menduga kehadiran Dattaya di majlis itu sehingga saya mengumumkan namanya serta menyebut serba ringkas tentang jasa dan sumbangannya untuk negara, yang disambut tepukan gemuruh hadirin.

Ada juga yang tercari-cari di mana beliau berada, termasuk rombongan kelab yang turut disertai timbalan presidennya Amir Datuk Tajuddin Ali, pengerusi biro pendidikan Dr Murshid Chik dan dua orang jawatankuasanya Ghazali Tan Sri Osman dan Hamzah Ibrahim.

Di majlis itu saya, bagi pihak Ahli Parlimen Larut turut merakamkan penghargaan atas jasa dan pengorbanan Dattaya anak kelahiran Parit Buntar yang walaupun sekarang berusia 68 tahun, tetapi masih sihat. Malah semasa saya menceritakan perihal Dattaya kepada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Khalid Yunus yang juga presiden Kesatuan Olahraga Amatir Malaysia, beliau seperti tidak percaya dengan usia bekas atlit dan bekas kakitangan sebuah jabatan kerajaan di Taiping itu.

Ini menyebabkan saya sekali lagi terpaksa mengesahkan dengan Dattaya untuk memastikan pendengaran saya tidak salah. Dattaya kini berkhidmat sebagai pemberita sambilan akhbar New Straits Times dan masih aktif dalam memberi motivasi kepada atlit baru yang memerlukan khidmatnya.

Semasa kami sama-sama menjamu selera makan tengah hari, Dattaya turut dipelawa Kelab Bakti Gunung Keledang untuk memberi ceramah kepada anak-anak ahli yang cenderung di bidang sukan.

Mengimbas kembali zaman kegemilangannya, Dattaya tidak menyembunyikan rasa cemburu dengan keadaan atlit sekarang yang sentiasa terhidang dengan segala kemudahan dan ganjaran bagaikan ditatang minyak yang penuh.

Walaupun, pada zamannya mereka miskin dengan kemudahan dan ada juga yang terpaksa berbelanja sendiri, tetapi mereka tidak mudah menyerah kalah dan tidak pula terpesona dengan janji hadiah yang bernilai.

Kenyataan Dattaya itu ternyata ada kebenaran dengan sikapnya yang sanggup bermotorkan bersendirian ke majlis yang diadakan, sedangkan dia boleh menolak jemputan itu kerana usianya sekarang, tetapi beliau seorang yang cecal dengan semangat juang yang tinggi.

Malah dia sanggup mengikut saya melawat sebuah keluarga miskin tidak jauh dari Batu 3 yang saya bantu mendapatkan bekalan air percuma.

Disiplin adalah asas utama, kata Dattaya, seorang atlit tukul besi dan cakera. Oleh sebab itu beliau sanggup mengetepikan soal berehat, sebaliknya selagi hayat dikandung badan dan jika tenaga dan sumbangannya masih diperlukan oleh mana-mana pihak untuk memberi dorongan membangunkan sukan negara, beliau tetap bersedia.

Saya sendiri dalam mencelah jawapan Timbalan Menteri Belia Dan Sukan Datuk Ong Teng Kiat ketika perbahasan Bajet 2004 di Dewan Rakyat, turut menjadikan Dattaya sebagai atlit contoh dalam mencadangkan kenapa pihak kementerian atau Majlis Sukan Negara tidak memikirkan tentang pentingnya diwujudkan sebuah tabung khas bagi membantu masa depan atlit cemerlang ketika bersara nanti.

Ini selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu adanya ahli sukan kita yang hanya menyandarkan hadiah dan ganjaran sebagai jaminan mereka untuk berjaya.

Kita tidak mahu ada atlit yang pernah mengharumkan nama negara hidup terpinggir. Walaupun, mereka ini tidak pernah menuntut atau mengungkit apa yang telah mereka sumbangkan, tetapi setidaknya-tidaknya hidup mereka tidaklah melarat seperti Bujang Taha, bekas ahli bina badan negara seperti digambarkan oleh rakan saya, Datuk Wan Junaidi yang juga seorang ahli parlimen dari Sarawak ketika membuat pertanyaan kepada Datuk Ong.

Sambil menyatakan kesedihannya, beliau meminta KBS segera mencari jalan membantu atlit seperti Bujang Taha dan ahli sukan yang lain yang entah bagaimana hidup mereka sekarang.

Mungkin kita boleh cadangkan mereka yang pernah mengharumkan nama negara ini dikumpul dalam satu majlis Jasamu Dikenang ataupun di majlis anugerah olahragawan dan olahragawati kebangsaan setiap tahun.

Setidak-tidaknya dengan kehadiran mereka, bukan saja mengembalikan nostalgia zaman kegemilangan mereka tetapi meniup semangat dan dorongan kepada atlit baru yang sedang meningkat naik.

Nama atlit seperti Junaidah Aman juga masih subur di ingatan saya, walaupun saya pernah terserempak beberapa kali dengan Rabuan Pit, jaguh kita di Sukan Asia. Itupun ketika beliau menghadiri sidang dewan rakyat sedikit masa lalu dan kini menganggotai Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Oleh sebab itu jugalah, kita menyarankan kepada KBS agar melihat program pembangunan sukan tidak hanya tertumpu kepada kawasan bandar, sebaliknya juga di kawasan luar bandar. Apa salahnya jika kompleks sukan turut diwujudkan di kampung-kampung bagi membuka peluang pertumbuhan ekonomi yang lain.

Sepertimana Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan walaupun bukanlah kementerian yang bertanggungjawab, tetapi turut melihat peranan dalam membangunkan sukan negara terutama menyediakan prasarana kepada masyarakat yang memerlukan tempat berlatih dan beriadah.

Walaupun sudah agak lama tidak bersua muka, tetapi saya mengucapkan syabas kepada ketua setiausaha kementerian itu, Datuk Lokman Hakim yang bertindak menyahut pandangan Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi supaya semua tanah lapang kini diletakkan di bawah pengurusan kerajaan negeri.

Sambil sempat menyindir saya kerana tersilap menyebut jawatan beliau, Datuk Lokman yang dikenali bergerak aktif dalam sukan di zaman persekolahannya, ternyata amat peka dengan perkembangan sukan tanahair, berharap tidak lagi ada mana-mana pihak yang hanya pandai menuding jari mencari sebarang kelemahan, sebaliknya melihat lebih jauh untuk menjadikan rakyat Malaysia sentiasa boleh.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kelab Bakti Gunung Keledang atas sumbangan mereka semoga perhatian itu akan mendorong pelajar untuk

tekun dalam pelajaran di samping aktif dalam kegiatan luar sekolah, termasuk sukan, sebagai salah satu usaha kita melihat lebih ramai anak-anak muda melakukan kegiatan berfaedah.